



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

## PEMBINAAN JAMBATAN BAGAN DATUK, PERAK DARUL RIDZUAN

BAGAN DATUK, PERAK – Penduduk sekitar Daerah Bagan Datuk dan Daerah Perak Tengah seramai 70,300 orang bakal mendapat manfaat secara langsung apabila sebuah jambatan dibina menghubungkan kedua-dua daerah tersebut merentasi Sungai Perak hasil peruntukan Kerajaan Pusat dibawah Rolling Plan 1 (RP1), Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Jambatan tersebut dibina dengan piawai R5 sepanjang 1.5 kilometer (km) dan kelebaran 14 meter dengan 2 lorong 2 hala. Turut terdapat dalam skop projek ini ialah Jalan tuju ke jambatan dengan piawai R5 (2 lorong 2 hala) sepanjang 8.7 km, 3 jambatan baru di sepanjang jalan utama, Sistem pembentungan dan saliran di sepanjang jalan utama.

Selain itu, persimpangan lampu isyarat di laluan FT069 (Bagan Datuk) dan persimpangan di laluan FT005 (Kampung Sejagop) turut bakal dibina bagi melancarkan aliran trafik semasa. Skop kerja lain adalah penyediaan perabot jalan dan kerja-kerja elektrik, pengambilan balik tanah dan kerja-kerja pengalihan utiliti.

Projek bernilai RM446.9 juta ini dijangka siap pada Julai 2020 dan menjadi laluan alternatif yang menjimatkan masa perjalanan dan kos bahan api kenderaan yang berulang-alik daripada Bagan Datuk dan kampung-kampung di sekitarnya ke Kampung Sejagop, Daerah Perak Tengah dan Manjung. Penjimatan masa perjalanan adalah daripada 1 jam kepada 15 minit manakala penjimatan jarak perjalanan pula daripada 50km (melalui FT069 dan FT005) kepada 10.2km.

Pembinaan jambatan ini berpotensi menjadi pilihan utama pelbagai komposisi kenderaan yang dianggarkan sebanyak 7500 kenderaan sehari pada tahun 2020 menurut Penilaian Impak Trafik (TIA). Ini seterusnya memberikan impak seperti pemangkin pertumbuhan ekonomi kawasan setempat selain mengurangkan kos penyelenggaraan, mengurangkan risiko kemalangan pada jalan sediada dan memberikan keselesaan kepada pengguna lalulintas.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**28 OKTOBER 2017**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my